

02 MAR 2000

Mahathir-Harakah

HARAKAH TELAH DIINGATKAN JANGAN LANGGAR UNDANG-UNDANG, KATA MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 2 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata hari ini bahawa Harakah, akhbar rasmi parti pembangkang PAS, seharusnya sudah menjangka sesuatu bentuk hukuman terhadapnya kerana berulang-kali melanggar undang-undang.

Beliau berkata penerbit akhbar itu telah dipanggil dan diberitahu sebelum ini supaya jangan melanggar undang-undang seperti mengedarkannya kepada bukan anggota parti tetapi mereka terus menjualnya kepada orang ramai terutama semasa pilihan raya.

"Apabila seseorang atau sesuatu pihak melanggar undang-undang, ia seharusnya menjangka yang ia akan dihukum. Orang lain yang tidak melanggar undang-undang tidak dihukum. Undang-undang mesti dipatuhi sama ada seseorang itu daripada pembangkang atau kerajaan," kata beliau kepada pemberita ketika ditanya sama ada langkah mengeluarkan permit penerbitan dua kali sebulan kepada Harakah merupakan satu hukuman.

Perdana Menteri ditemui pemberita selepas membuka seminar pengurusan Asean anjuran Persekutuan Ekonomi Kansai (Kankeiren), Jepun di hotel Renaissance.

Dr Mahathir berkata di Malaysia kerajaan tidak berat sebelah, kerana anggota kerajaanpun dihadapkan ke mahkamah, dituduh dan dihukum jika mereka melanggar undang-undang.

"Anggota pembangkang tidaklah boleh melanggar undang-undang dan mengharapkan keistimewaan diberikan kepada mereka dengan tidak dikenakan apa-apa tindakan," kata Dr Mahathir.

Semalam Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang juga Menteri Dalam Negeri berkata, Harakah, yang sebelum ini diterbitkan dua kali seminggu pada Isnin dan Jumaat, kini akan hanya dibenarkan terbit dua kali sebulan.

Abdullah berkata sebabnya ialah untuk menyeragamkannya dengan kekerapan penerbitan akhbar atau majalah oleh semua parti politik.

Apabila ditanya sama ada ia merupakan hukuman terhadap Harakah, Dr Mahathir berkata: "... anda boleh menganggapnya sebagai hukuman, tetapi hakikatnya ialah mereka telah melanggar syarat yang ditetapkan bagi penerbitan mereka."

Dr Mahathir berkata tindakan tidak dikenakan terhadap Harakah semasa pilihan raya kerana jika ia dilakukan orang akan menganggap kerajaan cuba menekan pandangan pihak pembangkang, oleh itu tindakan diambil hanya selepas pilihan raya.

Perdana Menteri berkata tindakan yang diambil terhadap Harakah adalah prosedur biasa dan kerajaan tidak membeza-bezakan antara anggota kerajaan dengan anggota pembangkang.

Ketika ditanya mengapa kerajaan tidak mengharamkan Harakah, Dr Mahathir berkata kerajaan mengambil sikap berlembut, dan lebih suka memberi amaran dahulu, kemudian baru mengambil tindakan tegas.

"Mula-mula kita beri amaran, kemudian kita beri amaran kedua, kemudian amaran ketiga. Selepas itu kita ambil tindakan secara lembut terhadap mereka, dan jika mereka terus melanggar undang-undang kita akan bertindak lebih serius terhadap mereka. Kita bukanlah sebegitu kejam seperti sesetengah negara di Barat," katanya.

Mengenai cadangan supaya hukuman dikenakan terhadap orang yang membelinya. bukan penerbitnya, Dr Mahathir berkata adalah amat sukar untuk melakukan demikian kerana ia merlukan pihak berkuasa meletakkan pegawainya

di semua tempat menjual akhbar.

"Mereka (pembeli) tidak melakukan apa-apa kesalahan, mereka hanya membeli apa yang dijual. Pihak yang menjual. yang mengetahui syarat bagi penerbitannya bahawa ia hanya untuk edaran kepada anggota parti sahaja (yang seharusnya dihukum)," katanya.

Dr Mahathir yang juga Presiden Umno turut ditanya mengenai persidangan perwakilan bahagian-bahagian Umno, dan beliau menasihatkan anggota-anggota parti supaya tidak menyerang mana-mana pihak secara peribadi.

Mengenai penayangan program asing menerusi stesen satelit Astro. Dr Mahathir berkata kerajaan perlu mengkaji dan melihat sama ada penyiaran program asing itu mempengaruhi rakyat Malaysia atau tidak.

Ditanya tentang kebimbangan yang disuarakan oleh pihak-pihak tertentu bahawa penayangan banyak program asing akan membawa kesan buruk kepada masyarakat, beliau berkata perkara berkenaan akan dikaji.

Stesen Astro mengandungi 28 saluran termasuk empat saluran bahasa Cina iaitu Astro AEC, TVBS Asia, Phoenix dan Astro Wah Lai Toi dan satu saluran Tamil, Astro Vanaavil, yang menayangkan 100 peratus program yang diimport dari Taiwan, Hong Kong dan India.

-- BERNAMA

HS NMO